


POTENSI PERNIAGAAN **BABY SPA** KEPADA KOPERASI



Muhammad Afnan Hasim
Pusat Pengurusan Perniagaan
afnan@mkm.edu.my



Konsep Perniagaan Baby Spa

Pernahkah anda mendengar, melihat atau mengetahui tentang kewujudan perniagaan Baby Spa? Perkataan Spa berasal daripada singkatan Bahasa Latin iaitu Solus Per Aqua yang membawa maksud Solus iaitu perawatan, Per ialah dengan dan Aqua adalah air.

Baby Spa merupakan nilai tambah kepada perniagaan spa yang sedia ada di pasaran. Ia juga sebagai salah satu cara bagi mempelbagaikan konsep perniagaan spa dengan menawarkan kelainan yang memfokuskan kepada kumpulan sasaran pelanggan baharu iaitu bayi. Baby Spa merupakan perniagaan yang baharu dan semakin berkembang pada masa kini di Malaysia.



Kebiasaannya, perniagaan spa lebih tertumpu kepada pelanggan dewasa sahaja. Manakala spa yang dikhaskan untuk bayi jumlahnya masih lagi terhad dalam pasaran. Antara Baby Spa yang ada di Malaysia adalah seperti di berikut :

Jadual 1 : Senarai Baby Spa yang Terdapat di Malaysia

BIL	NAMA	LOKASI
1.	Little Spa Kingdom	Kuala Lumpur
2.	Hippopo Baby Spa & Wellness	Selangor
3.	Little Penyu Baby Swim Spa	Sabah
4.	Bubbly Baby Spa	Pulau Pinang
5.	Sunny Ducky Spa & Gym	Kuala Lumpur

Konsep yang diamalkan dalam perniagaan Baby Spa ini tidaklah terlalu rumit dan lebih ringkas jika dibandingkan dengan spa dewasa. Ini kerana, Baby Spa hanya tertumpu kepada perkhidmatan Baby Swim dan Baby Massage. Berbeza pula dengan spa dewasa yang menawarkan lebih banyak pilihan seperti lulur, mandi susu, urutan badan, tangas dan lain-lain lagi.

Baby Spa lebih memfokuskan kepada aspek memanjakan bayi dengan kaedah Baby Swim iaitu berada di dalam kolam air yang

disediakan khas. Antara sebab mengapa Baby Spa mengutamakan perkhidmatan Baby Swim adalah kerana ia berkait rapat dengan elemen air, yang mana bertepatan dengan maksud spa itu sendiri. Pada masa kini, tiada lagi mana-mana koperasi yang terlibat dengan perkhidmatan Baby Spa. Penglibatan koperasi dalam bidang spa hanya tertumpu kepada spa dewasa sahaja. Koperasi boleh mengambil peluang ini untuk menjadikan Baby Spa sebagai salah satu aktiviti koperasi.



Kolam mandian yang disediakan untuk bayi

(Sumber : Hippopo Baby Spa & Wellness)



Pemandangan dari dalam salah sebuah Premis
Perniagaan Baby Spa
(Sumber : Bubbly Baby Spa)



Pemandangan dari luar premis Hippopo
Baby Spa & Wellness
(Sumber : Hippopo Baby Spa & Wellness)

» Kos Permulaan Perniagaan Baby Spa

Jadual 2 menunjukkan item-item yang diperlukan bagi memulakan atau menjalankan perniagaan Baby Spa. Secara umumnya, antara peralatan atau keperluan yang perlu ada seperti, Whirlpool Baby Bath, kakitangan, risalah, sewa premis perniagaan, Baby Pool Diapers (Disposable), pelampung bayi, dekorasi premis perniagaan, tuala bayi, dan lain-lain perbelanjaan.

Kos permulaan bagi koperasi yang berminat untuk menceburi perniagaan ini adalah seperti berikut:

Jadual 2 : Senarai Keperluan Asas bagi Menjalankan Perniagaan Baby Spa

Bil	Perkara	Ilustrasi
1.	Whirlpool Baby Bath Saiz (1130 x 850 x 850mm) Harga (US \$400-600 / RM 2,380.65)=1 unit $(RM2,380.65 \times 3 \text{ unit} = RM 7,141.95)$	
2.	Kakitangan Gaji (3 orang x 12 bulan x RM 1,000.00) $= RM 36,000.00$	
3.	Risalah $(10,000 \text{ unit} \times RM 0.30)$ $= RM 3,000.00$	

Bil	Perkara	Ilustrasi
4.	Sewa Premis Perniagaan (RM 2,000.00 x 12 bulan) = RM 24,000.00	
5.	Baby Pool Diapers (Disposable) Sciz : S(7-12kg)=RM32.40(12 pcs) M(11-15kg)=RM32.40(11pcs) L(14kg+)=RM32.40(10 pcs)	
6.	Pelampung bayi Harga (RM 20.00 x 3 unit =RM60.00)	
7.	Dekorasi Premis Perniagaan Mengecat, pemasangan almari dan kabinet, belian & pemasangan pendingin hawa serta kipas (RM10,000.00)	
8.	Tuala Bayi Harga (RM 15.00 x 10 unit =RM150.00)	
9.	Lain-lain perbelanjaan RM5,000.00 (Air, elektrik, minyak urutan dan lain-lain)	

Harga yang dipaparkan juga berdasarkan dapatan dari sumber Internet dan merupakan anggaran kasar. Walau bagaimanapun, seandainya koperasi mempunyai kenalan untuk mendapatkan produk-produk tersebut dengan harga yang lebih rendah adalah lebih baik dan secara tidak langsung dapat menjimatkan kos perniagaan.

»Jenis Perkhidmatan Baby Spa

Koperasi yang berminat menceburi perniagaan Baby Spa boleh menawarkan beberapa jenis perkhidmatan kepada pelanggan. Antaranya adalah :

a) Baby Swim

Salah satu perkhidmatan yang boleh ditawarkan oleh koperasi dalam perniagaan Baby Spa adalah swimming. Sebagai contoh di Hyppopo Baby Spa & Wellness mereka turut menawarkan perkhidmatan Baby Swim kepada bayi. Kebiasaannya untuk aktiviti ini, tab mandi khas akan disediakan kepada bayi. Tab mandi terdiri daripada tab mandi kecil, tab mandi besar dan tab mandi Vip. Suhu air adalah daripada 33 – 37 darjah celsius dan ia terpulang kepada ibu bapa untuk memilih sama ada untuk menggunakan air mandian yang sejuk atau suam di dalam tab mandi berkenaan.

Lazimnya bayi akan berada di dalam tab mandi selama 20 hingga 30 minit. Sebelum bayi dimasukkan ke dalam tab mandi, bayi akan dipakaikan lampin pakai buang dan pelampung khas bagi memberi keselesaan kepada mereka sewaktu berada di dalam air dan akan dipantau oleh kakitangan spa yang bertugas. Ibu bapa perlu menitikberatkan aspek kesihatan bayi sebelum menggunakan perkhidmatan Baby Spa. Jika bayi berada dalam keadaan tidak sihat adalah tidak disarankan sama sekali untuk melakukan aktiviti ini kerana dikhawatirkan akan memberi kesan atau jangkitan kepada bayi yang lain.

b) Baby Massage

Baby Massage juga boleh dijadikan sebagai salah satu aktiviti di Baby Spa oleh koperasi. Aktiviti seperti massage boleh mengurangkan ketegangan otot atau sendi kepada bayi dan juga memberikan kelegaan pada tubuh bayi yang adakalanya seharian banyak dihabiskan dengan meniarap, merangkak atau berbaring. Massage bayi tidaklah sama seperti yang ditawarkan di spa dewasa, sebaliknya ia lebih santai dengan urutan yang lembut.

Terdapat sesetengah pengusaha perniagaan Baby Spa menggunakan minyak sunflower seed *massage oil* dan ada juga yang menggunakan organic grape seed *oil* semasa sesi urutan kepada bayi. Kebiasaannya tempoh masa urutan dilakukan selama 20 hingga 30 minit kepada setiap bayi.



» Pakej Baby Spa

Pakej Baby Spa kebiasaannya tidaklah terlalu mahal dan ia boleh dikategorikan sebagai harga mampu milik. Jadual di bawah menunjukkan harga pakej Baby Spa yang ditawarkan oleh pengusaha Baby Spa di Malaysia.

a) Bubbly Baby Spa

Jadual 3 : Pakej Baby Spa di Bubbly Baby Spa

PAKEJ	MASA	HARGA	TERMASUK
Baby Float @ Swim	20 hingga 30 minit	RM 53.00	Lampin pakai buang khas
Baby Massage	20 hingga 30 minit	RM 40.00	Sunflower seed massage oil
(Baby Spa + Baby Massage)	1 jam	RM 237.00 hingga RM 1,100.00	Lampin pakai buang khas dan sunflower seed massage oil

(Sumber: <http://bubblybabyspa.com/pricing/>)

b) Sunny Ducky Baby Spa & Gym

Jadual 4 : Pakej Baby Spa di Sunny Ducky Baby Spa & Gym

PAKEJ	MASA	HARGA
Swim session	25 minit	RM 70.00
Massage session	20 minit	RM 40.00
Spa session (Swim + Massage)	50 minit	RM 98.00

(Sumber: <https://www.sunnyduckyspa.com/hotdeals>)

c) Little Penyu Baby Swim Spa

Jadual 5 : Pakej Baby Spa di Little Penyu Baby Swim Spa

	PAKEJ	MASA	HARGA
Non-member	Swim session	20 hingga 30 minit	RM 48.00
Member	2 Months (unlimited swim)	20 minit hingga 30 minit	RM 218.00
	6 Months (unlimited swim)	20 minit hingga 30 minit	RM 588.00
	1 year (unlimited swim)	20 minit hingga 30 minit	RM1,088.00

(Sumber: <http://www.littlepenyu.com/v1/index.php?q=content/packages>)

d) Hippopo Baby Spa & Wellness

Jadual 6 : Pakej Baby Spa di Hippopo Baby Spa & Wellness

PAKEJ	MASA	LAIN-LAIN	HARGA
Regular Session (Swim + Massage)	50 minit swim + massage	1 unit swim diaper	RM 88.00
Swim Single	25 minit	1 unit swim diaper	RM 50.00
Massage Single	20 minit	Organic grapes seed oil	RM 38.00

(Sumber: <http://hippopo.my/pricing.php>)

e) Little Spa Kingdom

Jadual 7 : Pakej Baby Spa di Little Spa Kingdom

PAKEJ	HARGA
Baby Swim	RM 59.90
Baby Yoga & Massage	RM 59.90
Baby Spa (Baby Swim + Baby Yoga & Massage)	RM 99.90

(Sumber: <https://www.little-spa-kingdom.com/>)

» Strategi Pemasaran Baby Spa

Aspek pemasaran merupakan salah satu perkara yang perlu dititikberatkan dalam memastikan sesuatu perniagaan itu berjaya. Pemasaran ialah satu proses untuk memperoleh apa yang dikehendaki dan diperlukan sama ada dengan menciptakannya sendiri ataupun melalui pertukaran produk dan nilai dengan pihak yang lain (Kotler & Armstrong, 2008). Antara strategi pemasaran yang boleh dilaksanakan oleh koperasi adalah seperti berikut:

a) Risalah

Bagi memulakan perniagaan Baby Spa, koperasi bolehlah menggunakan kaedah ini kerana ia lebih mudah dan menjimatkan kos. Risalah yang baik adalah risalah yang mudah dibaca, lengkap maklumatnya dan dapat menarik perhatian pelanggan. Oleh yang demikian, rekaan atau ilustrasi yang menarik perlu dititikberatkan semasa menghasilkan risalah ini.

Bubbly BABY SPA

+6013.581.2099

Mother's Day Promotions

6th May – 14th May 2017

Offer 1

Baby Swim @ **RM33** per session

With minimum purchase 4 sessions

Terms & Conditions Apply

Offer 2

Baby Swim @ **RM43** per session

With minimum purchase 2 sessions

B-1-9, Vantage Desiran Tanjung,
Jalan Tanjung Tokong,
Tanjung Tokong, 10470
Penang, Malaysia
T: +604.898.2099

Antara bentuk promosi yang digunakan bagi menarik lebih ramai pelanggan

(Sumber : Bubbly Baby Spa)

b) Laman web

Koperasi juga boleh mempromosikan pakej Baby Spa di laman web spa yang diusahakan oleh koperasi. Terdapat pelbagai bentuk laman web yang boleh diperoleh daripada Internet sama ada secara percuma atau berbayar. Sebagai contoh, koperasi boleh menggunakan Blogspot atau Wordpress untuk membangunkan laman web Baby Spa secara percuma. Trend pemasaran pada masa kini lebih tertumpu ke arah media sosial dan dalam talian kerana capaiannya lebih luas dan tanpa batasan.

c) Facebook

Menurut Laporan Prestasi Industri 2013 yang diterbitkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), terdapat 19.2 juta pengguna Internet di Malaysia dan 15.6 juta daripada mereka aktif dalam Facebook.

Justeru tidak hairanlah mengapa kebanyakan pengusaha perniagaan menumpukan kepada kaedah digital dalam mempromosikan dan mengiklankan perniagaan mereka.

d) Instagram

Instagram atau kerap kali disebut sebagai Ig merupakan salah satu media sosial yang cukup digemari pada masa kini. Ia membolehkan pengguna untuk memuat naik gambar, video yang berdurasi pendek untuk berhubung antara satu sama lain. Penggunaan Ig sebagai medium mempromosikan produk dan perniagaan adalah amat baik kerana ia percuma dan mengikut trend semasa.

e) Kerjasama dengan klinik/hospital


Selain daripada media sosial atau bentuk promosi secara fizikal, koperasi juga boleh menjalankan kerjasama dengan pihak klinik

atau hospital dalam membantu menyediakan perkhidmatan atau rawatan yang berkaitan kepada bayi dengan menggunakan kaedah Baby Swim.

» Manfaat Koperasi dalam Perniagaan Baby Spa

a) Menjana Pendapatan Koperasi

Pakej menarik yang ditawarkan kepada bayi dapat menarik minat ibu bapa untuk datang dan mencuba perkhidmatan Baby Spa yang sebenar. Melalui kaedah pemasaran yang berkesan, ia dapat dapat meningkatkan jualan koperasi dan secara tidak langsung dapat menjana pendapatan koperasi.



Salah satu cara untuk menjadi agen kepada perniagaan Baby Spa
(Sumber : Little Penyu Baby Swim Spa)

b) Membuka Peluang Pekerjaan

Baby Spa juga dapat membuka peluang pekerjaan kepada anggota koperasi yang berminat di dalam bidang spa. Secara tidak langsung, koperasi dapat membantu anggota menjana pendapatan. Ia selari dengan prinsip koperasi yang ke-7 iaitu prihatin terhadap komuniti, di mana koperasi membuka peluang kepada anggota atau sesiapa sahaja untuk bekerja di Baby Spa.

c) Menawarkan Perkhidmatan Pelancongan Spa

Perniagaan Baby Spa boleh dijadikan sebagai salah satu tarikan kepada para pelancong untuk berkunjung ke negara ini. Ia boleh dikategorikan sebagai pelancongan spa. Pelancongan spa merupakan satu keunikan yang boleh ditawarkan oleh koperasi kepada pelancong dalam atau luar negara. Pelancong boleh mendapatkan perkhidmatan ini apabila berkunjung ke negara kita.

d) Kerjasama antara Koperasi melalui Coopspa

CoopSpa merupakan inisiatif daripada pihak Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) kepada koperasi yang mempunyai spa. Koperasi ini akan disatukan melalui CoopSpa bagi membantu antara satu sama lain. Koperasi yang telah berdaftar di bawah jaringan CoopSpa akan dilatih dari segi penyediaan prosedur operasi standard, keseragaman konsep spa dan sebagainya. Perbincangan turut diadakan bagi memastikan CoopSpa setanding dengan spa yang lain.



» Manfaat dan Kelebihan Baby Spa (Swim dan Massage)

Kajian yang dilakukan oleh Prof. Robyn Jorgensen dari Institut Kajian Pendidikan Griffith pada tahun 2012 menyimpulkan bahawa bayi yang berenang memiliki kemampuan visual motorik seperti memotong kertas, mewarna, melukis serta mahir matematik berbanding bayi yang tidak didekah dengan aktiviti berenang di awal usia. Antara manfaat dan kelebihan lain Baby Spa adalah seperti berikut:



(Sumber: <http://www.littlepenyu.com/v1/index.php?q=content/baby-swimming-0>)

a) Tidur lebih lama

Antara kebaikan atau kelebihan yang dapat dilihat hasil daripada bayi yang telah mendapatkan perkhidmatan Baby Spa ini adalah bayi akan tidur lebih lama dan nyenyak. Berdasarkan maklumat daripada laman web National Sleep Foundation, bayi yang berumur 0 hingga 3 bulan adalah antara golongan yang memerlukan tidur lebih lama iaitu sekurang-kurangnya 14 jam hingga 17 jam sehari berbanding golongan dewasa yang memerlukan sekurang-kurangnya 7 hingga 9 jam tidur dalam sehari.

b) Menguatkan otot

Selain itu, aktiviti Baby Swim juga boleh menguatkan otot bayi melalui aktiviti berenang dan berada di dalam permukaan air. Berenang merupakan salah satu cara untuk menguatkan otot kerana ia akan menggunakan anggota badan seperti kaki dan tangan selain mengawal pernafasan serta badan sewaktu berada di dalam permukaan air. Tidak hanya otot sahaja bahkan ia juga mampu menguatkan paru-paru dan jantung. Secara tidak langsung, aktiviti seperti ini akan lebih mendorong dan menggalakkan bayi kepada kehidupan yang lebih sihat.

c) Merangsang minda bayi

Aktiviti berenang juga turut berkait rapat dalam merangsang minda bayi. Selain daripada tidur yang cukup dan mendapat sumber makanan yang berkhasiat, aktiviti berenang mampu membantu merangsang minda bayi ke arah yang lebih positif dan berkembang. Ia dapat membuang perasaan takut dan fobia kepada air.

» Kesimpulan

Secara keseluruhannya, potensi perniagaan Baby Spa ini merupakan salah satu peluang yang boleh diceburi oleh koperasi. Walaupun masih baharu, tetapi ia boleh dikomersialkan menerusi kaedah yang betul. Perkhidmatan spa kepada bayi amat jarang kita dengari dan ini merupakan satu aktiviti baharu dan unik untuk diceburi. Koperasi hanya perlu melaksanakan strategi yang tepat dalam perniagaan ini bagi memastikan ia mendapat keuntungan, sentiasa berterusan dan berdaya saing.

Pucuk pangkalnya koperasi haruslah berani dalam melakukan perubahan dan tidak boleh berada pada takuk lama serta perlu sentiasa mengkaji kehendak pasaran mengikut peredaran zaman. Keuntungan adalah bersifat subjektif kerana perniagaan yang berjaya adalah berasaskan kepada strategi, visi dan misi yang realistik dan holistik. Semoga artikel yang ditulis ini dapat membantu sedikit sebanyak koperasi untuk merancang dan merealisasikan perniagaan Baby Spa.